

SIRAH

UNIT 10 : SAYIDINA UTHMAN BIN AFFAN

Baca dan fahami.

Sifat Dermawan Uthman Bin Affan Islam

Sifat Dermawan Sayidina Uthman bin Affan

Membeli sebuah telaga 'Rumah' daripada seorang Yahudi dengan harga 30,000 dirham dan mewakafkannya untuk kegunaan seluruh kaum Muslimin.

Mendermakan wang tunai sebanyak 1000 dinar, 940 ekor unta dan 60 ekor kuda untuk kegunaan tentera Islam dalam peperangan Tabuk.

Menyediakan 1000 ekor unta yang sarat dengan muatan makanan dan gandum serta memberikannya secara percuma kepada fakir miskin yang memerlukan semasa berlaku musim kemarau.

Membeli sebidang tanah dan mewakafkannya untuk meluaskan Masjid Nabawi.

Memerdekakan hamba pada setiap hari Jumaat.

Sumbangan Sayidina Uthman Bin Affan Dalam Perkembangan Islam



Mushaf Uthmani atau Mushaf al-Imam terhasil semasa zaman pemerintahan Sayidina Uthman bin Affan.

Latihan 1

Lengkapkan tempat kosong dengan pilihan jawapan yang diberikan .

Mekah

pemurah

tentera laut

mewakfkannya

ketiga

al-Quran

12 tahun

Zu al-Nurain

Rumah

menyumbangkan

Sayidina Uthman bin Affan dilahirkan di _____ pada tahun 576 Masihi. Beliau terkenal dengan gelaran _____. Sayidina Uthman ialah khalifah _____ yang memerintah negara Islam selama _____ dari tahun 644 Masihi hingga tahun 656 Masihi.

Beliau seorang yang amat disegani kerana sangat _____ dan telah banyak _____ hartanya di jalan Allah SWT. Beliau juga telah membeli sebuah telaga _____ daripada seorang Yahudi dan _____ kepada seluruh kaum Muslimin.

Sebagai seorang pemimpin, Sayidina Uthman bin Affan telah banyak memberikan sumbangan kepada umat Islam seperti menubuhkan angkatan _____. Selain itu, beliau juga telah membentuk satu jawatankuasa pembukuan _____.